


Siri Budaya
Masyarakat Malaysia



ORANG INDIA

Siti Razmah Hj. Idris
Fatimah Azzahra

Editor:
Sulaiman Zakaria



PENERBIT PINANG

No. 14, Jalan SS 4/17, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7762300/7774678 Fax: 603-7762300

© PENERBIT PINANG
Cetakan Pertama 1996

ISBN 983-055-073-7 (SET)
ISBN 983-055-076-1

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak PENERBIT PINANG.

APB 931612

25 NOV 1997

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

M
306.0891411

SIT

f ✓

PENERBIT PINANG

No: 14, Jalan SS4/17, 47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-7762300/7774678. Fax: 603-7762300

Dicetak oleh: Shian Tai (M) Sdn. Bhd.
Tel: 3429222 Fax: 3422886

PRAKATA

Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan agama. Perbezaan ras dan anutan ini telah mewujudkan unsur-unsur budaya dan adat resam yang pelbagai dan menjadikan budaya Malaysia amat unik. Bagaimanapun, ciri-ciri budaya yang telah diamalkan sejak turun temurun mulai terhakis akibat arus pembangunan dan pemodenan yang melanda negara. Akibatnya, ciri-ciri budaya tradisional tidak dapat dihayati oleh generasi akan datang.

Sehubungan dengan itu, buku-buku dalam Siri Budaya Masyarakat Malaysia ini telah menampilkan secara ringkas kupasan tentang sebahagian daripada ciri-ciri budaya masyarakat yang terdapat di negara ini khususnya yang telah pupus.

Kebudayaan masyarakat Melayu menjadi teras kepada kebudayaan di Malaysia. Adanya pelbagai suku kaum dalam rumpun Melayu telah memperkayakan lagi budaya orang Melayu yang merupakan kaum terbesar dan penduduk peribumi negara ini. Untuk

menjelaskan perbezaan dari segi amalan dan cara hidup, budaya kaum Jawa dan Minangkabau dipilih untuk kupasan.

Kaum minoriti yang terdiri daripada kaum Serani, Sikh, Chitty, Baba Nyonya dan Thai merupakan sebahagian daripada penduduk Malaysia yang turut mempelbagaikan budaya Malaysia. Sekiranya masyarakat Baba dan Nyonya dikategorikan sebagai golongan Cina Peranakan, Masyarakat Chitty pula adalah golongan Hindu Peranakan. Ini jelas menunjukkan suku-suku kaum ini wujud hasil daripada percampuran dua budaya yang berbeza.

Kebudayaan Kebangsaan merupakan hasrat kerajaan untuk melihat rakyat Malaysia berada bawah satu identiti dan corak budaya yang sama. Justeru itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal dan pelbagai saranan dan pelaksanaan dibuat untuk mencapai maksud tersebut. Untuk itu semua ciri kebudayaan kebangsaan haruslah dihayati bersama supaya membuahkan hasil yang membanggakan.

KANDUNGAN

Pengenalan.....	1
Perkahwinan.....	2
Faktor Penentu Pemilihan Pasangan.....	5
Kelahiran.....	14
Perayaan.....	19
Kesimpulan.....	36

PENGENALAN

Orang India merupakan salah satu kaum yang telah menyumbang ke arah pembentukan sebuah masyarakat majmuk di Malaysia. Mereka telah menjadi sebahagian besar daripada rakyat Malaysia yang pelbagai kaum dan keturunan.

Rata-rata orang India bertubuh sederhana, berkulit gelap dan berhidung mancung. Kebanyakan orang India beragama Hindu dan segelintir sahaja yang beragama Kristian, Budha atau Islam.

Gadis-gadis India ternyata amat menarik. Kebanyakan daripada mereka bertubuh langsing dan berambut panjang. Rambut mereka sentiasa kelihatan licin dan berkilat, sentiasa dihiasi dengan rangkaian bunga-bunga melur dan dipadankan dengan sepasang sari yang beraneka warna dan corak.

Masyarakat Hindu di Malaysia walaupun tinggal berkelompok, mereka hidup dengan aman dan dikelilingi oleh jiran-jiran daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan lain-lain lagi. Walaupun ciri-ciri kebudayaan dan cara hidup mereka berbeza-beza, nilai persaudaraan dan semangat kekitaan sentiasa diutamakan.

Ciri-ciri kebudayaan orang India juga amat unik. Mereka mempercayai wujudnya banyak dewa untuk mentadbir alam. Setiap peristiwa



Antara kaum etnik India

yang berlaku di kalangan dewa harus diingati dan diraikan sebagai satu penghormatan kerana dewa berupaya menjamin sebuah kehidupan yang harmoni dan sentosa.

PERKAHWINAN

Kepentingan Perkahwinan

Orang India yang beragama Hindu menganggap perkahwinan adalah sebagai satu kewajipan agama. Ikatan perkahwinan antara lelaki dan perempuan juga dipandang sebagai satu perjanjian yang suci.

Bagi kaum lelaki, perkahwinan merupakan suatu perkara yang mesti diutamakan. Ini disebabkan anak-anak hasil sebuah perkahwinan dapat menjaga si bapa dalam usia tuanya. Dalam waktu yang sama, melalui perkahwinan juga dapat melahirkan generasi baharu bagi sesebuah keluarga.



Kaum India di Malaysia

Bagi golongan wanita, perkahwinan adalah menjadi kewajipan bagi keluarga dan ibu bapa si gadis. Ibu bapa mereka hendaklah berusaha supaya si anak dikahwinkan dengan segera. Kegagalan mereka untuk mendapatkan jodoh si anak akan memalukan keluarga.

Perkahwinan Semasa Kanak-kanak

Pada masa dahulu, perkahwinan dilangsungkan semasa si lelaki dan si gadis masih di bawah umur. Akan tetapi, kedua-dua pasangan berkenaan tidak dibenarkan tinggal bersama sehinggalah si gadis cukup umur.

Menurut Undang-undang Manu, iaitu undang-undang adat yang tertinggi bagi masyarakat Hindu, anak-anak perempuan mesti dikahwinkan sebelum cukup umur. Jika tidak, si bapa atau datuknya akan dihukum dengan dihidupkan semula selepas mati sebagai seekor serangga.

Keperluan kepada institusi perkahwinan amat kuat sehingga gadis yang telah mati sebelum berkahwin tetap akan dikahwinkan. Majlis perkahwinan akan diadakan antara mayat si gadis dengan seorang lelaki yang diupah khas sebagai pengantin lelaki, iaitu sebagai ganti kepada majlis perkahwinan yang sebenar.

Adat Yang Semakin Lapuk

Walau bagaimanapun, amalan masyarakat India yang gemar berkahwin dalam usia yang terlalu muda sudah semakin berkurangan. Zaman yang semakin moden telah mengubah tradisi dan cara hidup mereka. Anak-anak muda pula telah mendapat pendidikan yang lebih sempurna sama ada lelaki ataupun perempuan.

Selain itu, para ibu bapa juga telah didedahkan dengan pengetahuan yang menyeluruh dalam bidang kesihatan dan penjagaan diri. Mereka mulai sedar bahawa anak-anak mereka terpaksa menghadapi risiko yang tinggi ekoran hamil dalam usia yang muda.

Kesedaran timbul juga di kalangan kaum lelaki. Mereka tidak mudah menerima perkahwinan dalam usia yang muda. Alasan yang diberikan ialah mereka tidak mahu menimang cahaya mata selagi masa depan mereka belum terjamin. Golongan lelaki juga lebih gemar mencari calon isteri daripada kalangan gadis-gadis yang berpendidikan tinggi dan setaraf dengan mereka.

Faktor ekonomi juga mempengaruhi amalan berkahwin dalam usia yang muda. Bagi masyarakat Hindu, mereka percaya bahawa setiap individu dalam

masyarakat mempunyai taraf dan kedudukan yang berbeza-beza. Mereka terpaksa mengeluarkan belanja yang banyak sekiranya berkahwin dengan pasangan yang berada dalam kedudukan kasta yang lebih tinggi.

Jenis-jenis Perkahwinan

Masyarakat Hindu membahagikan beberapa jenis perkahwinan menurut kasta masing-masing iaitu:

1. Eksogami

Perkahwinan Eksogami bermaksud perkahwinan di antara kasta yang lain. Ini bererti si lelaki berada dalam kasta yang berbeza dengan si gadis.

2. Endogami

Perkahwinan Endogami bererti kedua-dua pihak si lelaki dan si gadis yang berkahwin berada dalam kasta yang sama.

3. Hipergami

Perkahwinan jenis ini kebanyakannya diamalkan oleh kaum Kulin Brahmans dan Nambudri di India. Perkahwinan ini agak aneh. Cuma anak lelaki yang sulung sahaja dibenarkan berkahwin dengan gadis daripada kasta yang sama.

Adik beradik lelakinya yang lain dibenarkan berkahwin hanya dengan gadis daripada kasta yang berbeza. Ini disebabkan di kalangan kaum Kulin Brahmans dan kaum Nambudri, lelaki yang secocok untuk dijadikan calon suami semakin berkurangan.

Orang Hindu amat menggalakkan perkahwinan antara sepupu. Selain itu gadis-gadis Hindu dibenarkan berkahwin dengan bapa saudara (adik ibu) mereka sendiri.



Kebanyakan orang India beragama Hindu

FAKTOR PENENTU PEMILIHAN PASANGAN

1. Umur

Kedua-dua si lelaki dan si gadis yang hendak berkahwin mestilah berbeza daripada segi umur. Masyarakat

Hindu tidak membenarkan sama sekali perkahwinan bagi lelaki yang lebih muda daripada si gadis.

2. Ketinggian

Bagi masyarakat Hindu yang buta huruf, sudah tentu mereka tidak mengetahui umur anak-anak mereka. Penentuan pasangan anak-anak mereka yang masih di bawah umur dilihat pada ketinggian mereka, si lelaki hendaklah kelihatan lebih tinggi lebih kurang 5 cm atau 7.5 cm daripada si gadis.

Faktor ketinggian ini diambil kira kerana pada anggapan mereka, ketinggian melambangkan kelebihan umur.

3. Horoskop

Masyarakat Hindu amat percaya kepada ramalan berdasarkan horoskop. Horoskop merupakan bintang kelahiran



Alat-alat untuk menilik

seseorang yang boleh membawa pelbagai tafsiran yang berkaitan dengan kehidupan seseorang.

Sebelum sesuatu perkahwinan dilangsungkan, kedua-dua pihak, lelaki dan perempuan akan melihat kepada horoskop kedua-dua bakal pengantin. Jika terdapat kesesuaian dan diramalkan akan kekal bahagia, perkahwinan akan diteruskan. Sekiranya ramalan mentafsirkan sebaliknya, perkahwinan akan dibatalkan.

4. Rupa bentuk fizikal si gadis

Bagi gadis yang layak untuk berkahwin, hendaklah dipastikan

mempunyai beberapa keperluan yang berikut:

- a. Ketinggian yang sederhana
- b. Hidung mancung
- c. Berambut panjang
- d. Muka yang bulat
- e. Berbibir kecil
- f. Bermata besar
- g. Bersifat mengalah
- h. Masih dara
- i. Tidak kerap tidur atau tidur yang terlalu lama
- j. Bersopan dalam pertuturan



Alat-alat persiapan untuk majlis perkahwinan

Rancangan Perkahwinan

Rancangan untuk berkahwin selalunya dimulai oleh sebelah pihak sama ada lelaki ataupun perempuan. Kadang-kadang orang tengah (tharagar) diupah untuk membantu sesebuah keluarga mencari pasangan yang sesuai untuk anak mereka.

Pada zaman ini, khidmat tharagar tidak lagi diperlukan, sebaliknya peranan tersebut dilakukan oleh teman-teman atau saudara-mara.

Selalunya rancangan perkahwinan datangnya daripada pihak perempuan. Ini disebabkan keluarga si gadis ingin memastikan si gadis akan mendapat suami yang sesuai.

Walaupun perkahwinan diatur terlebih dahulu, si teruna atau si gadis bebas untuk memilih teman hidup masing-masing.

Kemudian, setiap pasangan yang hendak berkahwin akan dilihat melalui horoskop (bintang) masing-masing. Jika didapati ada kesesuaian, perkahwinan akan diteruskan dan sekiranya tidak, rancangan untuk berkahwin akan dibatalkan.

Dalam perkahwinan orang India, terdapat tiga peringkat iaitu:

1. Nichaya thartam
2. Parisam
3. Majlis Perkahwinan



Sari menjadi pakaian utama pada majlis perkahwinan



Kunyit antara barang-barang yang dibawa

1. Nichaya thartham

Nichaya thartham atau upacara merisik diadakan di rumah bakal pengantin perempuan. Wakil bakal pengantin lelaki akan membawa barang-barang berikut:

- a. Sirih
- b. Buah pinang
- c. Pisang
- d. Bunga-bunga
- e. Serbuk cendana
- f. Kungkumam, iaitu sejenis serbuk berwarna merah yang amat popular di kalangan penganut agama Hindu
- g. Kunyit
- h. Sebiji kelapa

Pemberian barang-barang ini dikenali sebagai *thambalam*. Adat ini

menandakan si gadis bakal di-kahwinkan. Sebaik sahaja adat ini selesai, rombongan pihak lelaki akan dijamu.

Sejurus selepas jamuan, dijalankan pula satu adat yang amat penting dalam adat perkahwinan. Kedua-dua belah pihak lelaki dan perempuan akan berbincang tentang jumlah emas yang akan disediakan oleh pihak lelaki untuk diserahkan kepada pihak perempuan.

Nilai pemberian emas itu adalah bergantung kepada kedudukan, kemampuan dan pendapatan kedua-dua pihak, termasuk juga pendapatan kedua-dua bakal pengantin. Pihak perempuan akan mengumumkan jumlah yang diminta setelah mengetahui kedudukan dan kemampuan bakal pengantin lelaki.



Persiapan untuk majlis perkahwinan

Perbincangan seumpama ini amat terperinci hingga semua aspek diperbincangkan. Kadang kala acara ini melibatkan proses tawar-menawar yang agak sengit supaya nilai emas dapat dikurangkan serendah mungkin. Namun demikian, proses ini masih dijalankan dengan penuh hormat dan penglibatan keluarga kedua-dua belah pihak semakin merapatkan hubungan kekeluargaan.

Satu hal yang amat menarik ialah, perbincangan tersebut bukannya dikhususkan kepada jumlah emas yang dikehendaki, tetapi tentang nilai emas itu sendiri supaya pihak perempuan tidak tertipu.

2. Parisam

Setelah semua perkara dipersetujui, upacara parisam pun diadakan. Upacara ini samalah maksudnya dengan majlis pertunangan. Sekali lagi ramalan kepada bintang

kelahiran kedua-dua pihak dilakukan untuk menentukan hari yang baik diadakan majlis pertunangan. Kebiasaannya majlis seumpama ini diadakan pada waktu petang di rumah si gadis.

Seramai antara lima hingga sembilan orang perempuan akan tiba di rumah si gadis dengan membawa dulang yang mengandungi barang-barang daripada pihak lelaki iaitu:

- a. Gula putih
- b. Kunyit, daun sirih, buah pinang dan buah-buahan
- c. Beberapa biji kelapa dalam jumlah yang ganjil, iaitu tiga, tujuh atau seterusnya
- d. Barang-barang kemas dan sepasang sari
- e. Kalungan bunga
- f. Minyak wangi serbuk cendana
- g. Kungkumam

Tujuh barang yang disenaraikan di atas diletakkan di atas tujuh buah dulang. Sekiranya pihak lelaki hanya menyediakan lima buah dulang, buah kelapa akan diletakkan

Bapa si gadis akan menyatakan persetujuannya sebanyak tiga kali. Persetujuan itu sebagai tanda bahawa ikatan pertunangan telah termeterai. Si gadis akan memakai



Seorang sami mengetuai upacara

bersama-sama kunyit dan kalungan bunga bersama barang-barang kemas.

Dulang-dulang yang berisi barang-barang hantaran akan dipamerkan kepada para tetamu. Seorang lelaki yang agak berpengalaman dan dihormati mengambil dulang yang berisi barang-barang kemas dan diserahkan kepada bapa si gadis sambil berkata, "Barang ini adalah milik kamu, dan anak perempuan kamu menjadi miliknya (bakal pengantin lelaki)."

sari yang diberi serta barang-barang kemas tersebut. Acara ini kemudiannya diteruskan dengan pertukaran cincin antara kedua-dua pihak.

3. Majlis perkahwinan

Penetapan hari perkahwinan akan diserahkan kepada tukang tilik. Bulan Februari, Mac dan April dianggap sebagai bulan yang tidak mendatangkan tuah. Oleh itu, perkahwinan harus dielakkan dalam bulan-bulan tersebut. Penentuan hari perkahwinan juga bukan hanya

melibatkan bulan, malahan hari dan waktu yang dipilih juga haruslah tepat dan sesuai. Ini disebut kutika.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, orang Hindu lebih gemar melangsungkan perkahwinan mereka di kuil-kuil berbanding di rumah-rumah atau di dewan-dewan yang disewa, sama ada yang tinggal di bandar-bandar ataupun di kampung-kampung.

Seorang sami atau "pandaram" akan dijemput khas bagi menjalakan upacara perkahwinan ini. Pandaram akan melakukan upacara dan adat yang sama bagi setiap pasangan yang dikahwinkan tanpa mengira kedudukan atau kasta, kecuali pandaram diberitahu terlebih dahulu sebarang upacara tambahan atau upacara yang tidak diperlukan.

Persamaan pelaksanaan upacara perkahwinan ini adalah sebagai langkah untuk mengelakkan timbulnya salah faham dan diskriminasi.

Upacara perkahwinan ini dimulakan sebaik sahaja api suci dinyalakan di tengah-tengah ruang tempat upacara perkahwinan dilangsungkan. Kedua-dua pengantin akan duduk bersebelahan di atas tempat duduk yang dibuat khas dan dihias indah. Pandaram akan membaca ayat-ayat suci dan akan diikuti pasangan pengantin berkenaan.

Seterusnya pengantin lelaki akan mengikat thali yang diberikan oleh pandaram pada leher si gadis. Thali merupakan sejenis benang berwarna kuning yang diikat pada leher si gadis sebagai simbol perkahwinan.



Pengantin lelaki mengikat thali

Bunga-bunga ditabur ke arah pasangan pengantin semasa si lelaki mengikat thali.

Selain bunga-bunga, beras juga boleh digunakan. Walau bagaimanapun, bentuk thali berubah-ubah. Kadang kala thali berupa anting-anting emas atau sebetuk cincin emas, bergantung kepada persetujuan kedua-dua belah pihak.

Seterusnya, kedua-dua pengantin akan berjalan mengelilingi api suci tersebut sebanyak tujuh kali, dimulai dengan si teruna dan diikuti oleh si gadis. Upacara ini dilakukan sebagai tanda bahawa mereka telah pun menjadi suami isteri yang sah.

Dengan itu, upacara perkahwinan pun selesai. Semua jemputan dan

tetamu yang hadir akan dijamu dengan hidangan yang telah disediakan.

Majlis perkahwinan diadakan di rumah pengantin lelaki. Pengantin perempuan akan bertolak ke rumah bakal suaminya sehari sebelum majlis perkahwinan berlangsung.

Langkah ini diambil sekiranya jarak di antara rumah mereka terlalu jauh. Sekiranya mereka tinggal berdekatan, pengantin perempuan akan bertolak pada hari majlis perkahwinan diadakan.

Walaupun bagaimanapun, pengantin perempuan dilarang bertolak ke rumah bakal suaminya pada hari Selasa atau Jumaat. Kedua-dua hari tersebut merupakan masa (*kutika*)



Pengantin mengelilingi api suci



Pasangan pengantin India

yang dipercayai tidak baik dan tidak akan membawa tuah.

Sekiranya majlis perkahwinan jatuh pada hari-hari berkenaan, si gadis akan bertolak pada hari sebelumnya walaupun kedudukan rumah mereka berdekatan.

Jika hal ini tidak dapat dilakukan, sebagai satu jalan untuk mengelakkan timbulnya alamat yang tidak baik, pasangan pengantin dikehendaki kembali semula ke rumah pengantin perempuan sebaik sahaja majlis perkahwinan selesai.

Pada kebiasaannya, pasangan pengantin akan kembali ke rumah pengantin perempuan pada hari ketiga selepas majlis perkahwinan.

Mereka akan kembali semula ke rumah pengantin lelaki selepas tiga hari.

Menurut tradisi masyarakat Hindu, semasa bertandang ke rumah pengantin perempuan, ibu bapa pengantin perempuan dikehendaki memberi kepada pasangan tersebut barang-barang berikut:

- a. Lampu minyak tanah
- b. Chembu, iaitu bekas bejana yang diperbuat daripada tembaga
- c. Kudam, iaitu bekas tembaga yang diisi dengan gula-gula atau kek (athirasams) dengan bilangan yang ganjil seperti 51, 61,71 atau 101
- d. Sebuah dulang

Ahli keluarga pengantin perempuan juga dibenarkan untuk menambah pemberian tersebut menurut kesukaan masing-masing. Contohnya, radio, katil, tilam atau kipas elektrik. Mereka dilarang sama sekali menghadaikan penyapu ataupun alat penampi (muram).

Selepas tiga bulan berkahwin, pasangan berkenaan akan menziarahi keluarga si isteri selama tiga hari. Ketika ini, si isteri akan menerima sari yang baharu. Manakala si suami pula akan menerima dhoti, iaitu pakaian yang biasa dipakai oleh lelaki Hindu. Si isteri akan menanggalkan thali yang dipakai sekiranya dia belum berbuat demikian.

KELAHIRAN

Pantang Larang Semasa Mengandung

Ibu yang mengandung terikat dengan beberapa peraturan dan pantang larang untuk menjamin kesempurnaan dan keselamatan diri dan anak yang dikandung. Ada antara pantang larang tersebut bukan sahaja mengikat si ibu malahan si bapa juga demi keselamatan isteri dan anaknya.

Kedua-dua suami dan isteri berkenaan ditegah memukul kucing, memotong atau menyang ikan serta menyembelih atau memotong ayam. Sekiranya segala perkara ini dilakukan, si anak dikatakan bakal menyerupai binatang-binatang tersebut. Selain itu, bagi si suami, mereka dilarang memotong dan menebang batang pokok pisang. Ini kerana pokok pisang diumpamakan sebagai seorang perempuan atau dengan perkataan yang lebih tepat sebagai isterinya.

Perempuan yang mengandung juga dilarang melihat ular. Dalam waktu yang sama juga, si suami ditegah daripada menganiyai binatang tersebut. Dia ditegah daripada memukul atau membunuh ular. Sekiranya berlaku, mungkin si

bayi akan menyerupai dan mempunyai tabiat yang sama seperti seekor ular.

Perempuan yang mengandung juga dinasihatkan supaya jangan menjahit pakaian yang koyak atau sebarang bentuk kain atau pakaian yang perlu dijahit. Perbuatan ini dikatakan akan menyukarkan proses kelahiran. Akibat yang sama juga akan menimpa seseorang wanita yang mengandung sekiranya mereka bersifat tamak dan kedekut.



Tidak boleh menyang ikan

Sesiapa sahaja yang datang berjumpa dengan wanita berkenaan dengan tujuan mendapatkan makanan atau sebarang bentuk pemberian lain hendaklah ditunaikan, walaupun dalam jumlah yang sedikit.

Keadaan ini dikecualikan sekiranya wanita berkenaan benar-benar tidak memiliki apa yang diminta. Si peminta bukan sahaja



Semua makanan boleh dimakan kecuali masa gerhana

terdiri daripada manusia, malahan merangkumi binatang-binatang seperti kucing.

Dari segi makanan dan pemakanan, ibu yang mengandung bebas memakan apa-apa sahaja makanan yang disukai. Demikian juga dengan minuman. Walau bagaimanapun, terdapat satu jangka masa yang menegah ibu berkenaan makan, iaitu apabila berlakunya gerhana bulan.

Dalam jangka masa gerhana yang berlaku beberapa jam ini, perempuan berkenaan tidak boleh makan dan minum. Pada waktu ini juga mereka dilarang mengguna benda-benda yang tajam seperti memotong dengan pisau, mencucuk pin pada baju dan sebagainya. Akibatnya, anak yang dikandung mungkin akan dilahirkan dalam keadaan cacat sama ada daripada segi fizikal ataupun mental.

Hari Lahir

Hari kelahiran bayi amat penting bagi sesebuah keluarga. Ini disebabkan hari boleh menentukan nasib keluarga si bayi. Kelahiran yang berlaku pada hari Selasa dan Sabtu (bagi bayi lelaki sahaja) dikatakan akan mendatangkan akibat yang buruk dan merugikan keluarga.

Bagi bayi lelaki yang dilahirkan pada hari Sabtu dikatakan sukar mendapat jodoh yang sesuai apabila

dewasa kelak. Dalam waktu yang sama, segala perkara yang telah dirancang tidak akan terlaksana.


Namun demikian, tidak semua bayi yang dilahirkan pada hari berkenaan menerima nasib yang buruk. Sebenarnya, orang India percaya bahawa setiap detik waktu akan menentukan nasib seseorang. Hal ini akan dijelaskan oleh sami-sami mereka di kuil-kuil. Sami berkenaan akan mengesyorkan apa yang patut dilakukan bagi menghindar dari ditimpa bencana. Antaranya ialah dengan bersembahyang dan berdoa.

Terdapat satu cara lain yang akan dilakukan oleh ibu-ibu yang bersalin pada hari berkenaan. Mereka

dikehendaki pergi ke kuil yang telah menyediakan satu tempat khas untuk tujuan itu.

Di tempat itu diletakkan sembilan buah patung dewa yang melambangkan sembilan perkara, iaitu tujuh hari dalam seminggu, bulan dan matahari.

Ibu tersebut dikehendaki mengelilingi kesembilan dewa berkenaan dengan membawa pelita. Pelita berkenaan akan ditinggalkan di situ. Perbuatan ini hendaklah dilakukan pada hari Sabtu untuk beberapa kali. Kadang kala, tempat itu juga dijadikan sebagai tempat membayar niat oleh orang India yang berhajat untuk mendapat sesuatu.



Patung-patung dewa di kuil

Semasa Dalam Pantang

Sebaik sahaja selepas kelahiran, si ibu akan berpantang selama 30 hari. Dalam waktu ini, segala makan dan minum si ibu hendaklah dijaga supaya tidak makan makanan yang tidak berkhasiat.

Pada hari pertama selepas kelahiran, si ibu hanya dibenarkan memakan roti bakar dan air kopi sahaja. Manakala pada hari kedua dan berikutnya, barulah dia dibenarkan makan nasi. Walau bagaimanapun, lauk-pauk yang dihidang tidak boleh sembarangan.

Lauk yang utama yang menjadi satu kemestian ialah sup. Campuran sup berkenaan terdiri daripada lada hitam, lada putih, jintan dan bawang putih yang ditumis. Bahan-bahan ini dipercayai dapat memanaskan badan si ibu. Selain itu, ikan bilis atau ikan yu yang digoreng juga amat sesuai bagi perempuan yang baru bersalin.

Sepanjang tiga puluh hari, si ibu hanya dibenarkan mandi dengan air suam sahaja dan tidak digalakkan minum terlalu banyak air. Sepanjang tiga puluh hari, kesemua anggota keluarga tidak boleh sembahyang, termasuk si ibu.

Oleh yang demikian, tempat-tempat sembahyang di setiap rumah yang ada perempuan bersalin ditutup dengan kain. Si ibu dan bayi tidak



Anggota keluarga tidak boleh sembahyang

dibenarkan keluar rumah dan si bayi juga tidak boleh diletak di dalam buaian.

Selepas genap tiga puluh hari, bayi berkenaan dikehendaki mandi dengan tiga jenis minyak yang dimasak bersama. Campuran minyak itu terdiri daripada minyak kelapa, minyak bijan dan minyak sayuran. Sebaik sahaja adat ini selesai dilakukan, barulah si ibu dan bayi tersebut dibenarkan keluar dari rumah.

Menamakan Anak

Proses menamakan anak dilakukan selepas tiga puluh hari bayi dilahirkan. Si bapa akan pergi ke kuil

untuk mendapatkan nama yang sesuai dengan bantuan sami. Sami akan memberi beberapa huruf untuk dijadikan huruf awal untuk dipilih.

Dalam pemberian nama, sami akan berpandu kepada Jathagam. Jathagam merupakan sebuah buku yang memuatkan semua adat istiadat orang India termasuk alamat-alamat bagi sesuatu peristiwa untuk dijadikan pedoman.

Huruf-huruf yang diberi selalunya terdiri daripada empat atau lima huruf. Pasangan berkenaan dikehendaki memilih huruf yang



Antara nama-nama

sesuai untuk dijadikan huruf awal dengan bantuan keluarga.

Adat Naik Buaian

Selepas tiga puluh hari, adat naik buaian diadakan. Ini disebabkan sebelum waktu itu, si bayi tidak boleh diletak di dalam buaian.

Satu jamuan secara sederhana diadakan dengan dihadiri oleh saudara mara terdekat dan kaum keluarga ibu dan bapa si bayi. Sebuah buaian akan disediakan oleh bapa saudara si bayi, sama ada adik lelaki atau abang si ibu. Kain buaian itu hendaklah diperbuat daripada kain sari si ibu yang dipakai semasa hari perkahwinan, iaitu yang diberi oleh suaminya sempena perkahwinan.

Bayi berkenaan juga akan diletak di dalam buaian itu oleh bapa saudara si bayi, iaitu orang yang sama membuat buaian tersebut.

Upacara Cukur Kepala

Selepas tiga bulan, satu upacara mencukur rambut diadakan di kuil. Terlebih dahulu si ibu dan bapa bayi akan bersembahyang. Mereka akan membawa sesikat pisang, daun sirih, kelapa dan serbuk cendana. Barang-barang berkenaan akan disembahyang dan didoakan oleh sami, kemudian dipulangkan semula kepada ibu dan bapa bayi tersebut.

Selepas itu rambut bayi dicukur hingga botak dan disapu dengan serbuk cendana yang dicampur dengan air. Ini akan menyejukkan kulit kepala bayi tersebut.

Seterusnya bayi itu akan dibawa ke anak sungai yang berhampiran untuk dimandikan.

PERAYAAN

Kepentingan Perayaan

Orang India yang beragama Hindu mempunyai banyak perayaan yang disambut dalam setiap bulan. Bilangan perayaan yang banyak ini amat penting untuk penganut agama Hindu mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti keagamaan di samping memperkuatkan lagi tahap keimanan mereka.

Penganut agama Hindu juga akan sentiasa menanamkan sifat taat, patuh dan sentiasa mendekatkan diri kepada tuhan mereka di samping

sifat-sifat terpuji yang lain. Mereka percaya bahawa melupakan tuhan samalah keadaannya dengan kematian.

Pada hari-hari perayaan, penganut agama Hindu akan bertemu dan beramah mesra di antara saudara mara dan sahabat handai. Melalui perayaan, semangat perpaduan dapat ditingkatkan di samping mengeratkan lagi tali persaudaraan di kalangan mereka.

Kegiatan kebajikan juga dilakukan khususnya untuk golongan



Perayaan meningkatkan perpaduan



Kuih vadai disediakan

yang kurang bernasib baik. Ini termasuklah menderma makanan, wang ringgit, pakaian dan sebagainya.

Orang India juga berpuasa untuk mendapat ketenangan jiwa. Amalan puasa kerap dilakukan kerana kewujudan hari perayaan yang amat banyak. Setiap perayaan yang disambut kebanyakannya diiringi dengan amalan puasa.

Apa yang penting, setiap perayaan orang India dikaitkan dengan cerita-cerita mitologi dan falsafah agama. Cerita-cerita mitologi dan falsafah agama ini disampaikan melalui ceramah, nyanyian, drama dan tarian pada hari-hari perayaan.

Dalam waktu ini juga diadakan acara-acara kebudayaan, umpamanya seni drama, muzik, tarian klasik dan nyanyian bhakti (nyanyian keagamaan).

Selain itu, pada setiap kali datangnya perayaan-perayaan tertentu, pelbagai juadah tradisional disediakan. Juadah ini merupakan satu kemestian sebagai lambang persembahan. Kesempatan ini diambil oleh para gadis untuk mempelajari proses pembuatan kuih-muih tradisional.

1. Deepavali

Deepavali ialah perayaan orang India yang terpenting. Perayaan ini boleh disamakan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina bagi masyarakat Cina dan Hari Krismas bagi penganut agama Kristian. Selain orang India, perayaan ini juga dirayakan oleh kaum-kaum India yang lain seperti Punjabi, Bengali, Telugu, Malayalam dan Sindhi.

Deepavali dirayakan secara besar-besaran. Ziarah menziarahi

menjadi satu amalan yang penting untuk merapatkan hubungan kekeluargaan. Mereka juga mengadakan rumah terbuka untuk teman-teman daripada keturunan Melayu dan Cina.

Perayaan Deepavali bersifat sosial dan tidak bersifat keagamaan. Oleh itu perayaan ini tidak diadakan di kuil-kuil yang tertentu seperti perayaan Thaipusam.

Perayaan Deepavali digunakan oleh manusia untuk mengimbas kembali segala perlakuan yang telah dilakukan sama ada baik atau buruk. Unsur-unsur yang buruk perlu dikikis dan nilai-nilai yang baik dan terpuji dikekalkan di dalam hati.

Pada hari ini juga orang India akan menghapuskan segala kejahatan dan kejahatan yang terdapat dalam diri sendiri dan keluarga. Ini akan membawa ketenangan serta keterangan. Keterangan yang dimaksudkan ialah unsur cahaya pada manusia.

Sebenarnya, perayaan ini disambut sebagai hari kejayaan iaitu kuasa jahat telah berjaya diatasi oleh kuasa baik.

Dalam bahasa Sanskrit, Deepavali dikenali sebagai Naraka - Chaturdasi - Snanam yang beerti hari penewasan raksasa zalim yang bernama Narakasura.



Persiapan untuk menyambut Deepavali

Menurut kalendar Tamil, Deepavali disambut pada hari Chaturdasi, iaitu jatuh pada hari bulan gelap, sehari sebelum bulan mengambang. Menurut kalendar itu lagi Deepavali hendaklah dirayakan pada bulan Aippasi, iaitu pada penghujung bulan Oktober atau awal bulan November.

Perkataan Deepavali berasal daripada perkataan Depam yang beerti pelita (lampu), dan vali yang bermaksud barisan atau deretan. Oleh itu perkataan Deepavali bermaksud sederetan pelita. Cahaya daripada pelita sebagai penghapus kepada kegelapan. Ini bererti cahaya umpama restu daripada tuhan yang akan menghindarkan manusia daripada segala kejahatan dan kejahilan (kegelapan).

Sambutan perayaan ini amat bererti kepada seseorang yang berjaya menghindarkan sifat buruk yang ada pada dirinya dan diganti dengan nilai-nilai murni sebagai cahaya. Atas kejayaan inilah Deepavali disambut dengan meriah.

Tarikh permulaan perayaan ini tidak dapat ditentukan. Segala cerita yang dikisahkan yang berhubung kait dengan perayaan ini pastinya berkisar pada kebaikan yang dapat mengatasi keburukan. Ada yang mengaitkan Deepavali dengan cerita-cerita Purana (tentang dewa dewi Hindu) dan cerita Ramayana.

Menurut cerita Ramayana, Sri Rama sebagai jelmaan daripada Dewa Vishnu telah menghapuskan Rawana yang menjadi simbol segala



Pakaian untuk muda-mudi

kejahatan. Kematian Rawana dianggap sebagai penghapusan kegelapan dan kemenangan Sri Rama dianggap sebagai cahaya yang terbit untuk menerangi hidup manusia.

Dari karya yang sama juga dikisahkan tentang rakyat dari negara Kosala di ibu kota Ayodhya telah memasang pelita minyak tanah pada waktu pagi untuk merayakan kepulangan Sri Rama bersama isterinya yang bernama Sita Dewi. Sri Rama telah berjaya menyelamatkan Sita Dewi daripada dipenjarakan oleh Rawana di Sri Lanka. Oleh itu, perayaan Deepavali disambut sebagai memperingati ulang tahun kepulangan Sri Rama selepas menewaskan Rawana.


Menurut tradisi cerita-cerita Purana, pada zaman dahulu terdapat seorang pemerintah yang zalim bernama Narakasuran. Ramai orang telah dianiayanya. Segala upacara yang berunsur keagamaan dihalang.

Rakyat yang hidup dengan penuh penderitaan meminta bantuan daripada Dewa Krishna. Dewa Krishna telah mengabul doa rakyatnya dengan membunuh Narakasuran. Kemenangan inilah yang disambut dengan meriah oleh orang Hindu yang dikenal dengan Hari Deepavali.

Legenda lain yang dikisahkan adalah tentang pemerintah yang teragung dan adil bernama Mahabali.

Raja Mahabali menguasai ketiga-tiga dunia dengan aman dan makmur. Raja Mahabali merupakan pengikut setia Dewa Krishna dan memperoleh pelbagai anugerah daripada para dewa.

Walau bagaimanapun, Raja Mahabali tidak berpuas hati dan



Patung Dewa Hindu

berhasrat memiliki dunia Indraloga. Dewa Indraloga amat bimbang lalu memohon bantuan Dewa Krishna. Untuk melayakkan diri sebagai pemerintah Indraloga, Raja Mahabali dikehendaki melakukan pelbagai upacara termasuk menderma.

Dewa Krishna menyamar sebagai seorang kerdil memohon diberikan



Daging tidak boleh dimakan

tanah seluas tiga langkah daripada Raja Mahabali. Dewa Krishna kemudiannya mengambil Viswarupa iaitu rupa fizikal yang paling besar hingga dapat merangkumi seluruh dunia dan ruang cakerawala bagi kedua-dua langkah.

Bagi langkah ketiga, Dewa Krishna memohon ruang, Raja Mahabali menundukkan diri supaya langkah ketiga diletakkan ke atas kepalanya. Raja Mahabali dikatakan akan mencapai kebebasan rohani apabila terkena tapak kaki Dewa Krishna.

Raja Mahabali diberi peluang membuat suatu permintaan. Beliau memohon supaya dapat melawat negaranya sekali dalam setahun dan kedatangannya hendaklah disambut

oleh manusia dengan memasang lampu minyak tanah dan berpakaian baharu. Oleh yang demikian Deepavali disambut sebagai meraikan kehadiran Mahabali ke dunia.

Pada hari Deepavali, hanya sayur-sayuran sahaja yang dihidangkan. Ini disebabkan perbuatan membunuh binatang seperti ayam dan kambing akan menambahkan dosa. "Pembunuhan" ini amat bertentangan dengan matlamat sambutan Deepavali iaitu pelbagai perbuatan baik harus dilakukan untuk menambahkan pahala.

Apa yang menarik, walaupun Deepavali diraikan pada setiap tahun, bagi sesebuah keluarga yang baru kematian salah seorang ahli keluarga atau saudara mara, mereka



Sayur-sayuran jadi hidangan utama



Antara makanan yang digemari

tidak akan menyambut Deepavali tetapi akan disambut pada tahun berikutnya. Ini bertujuan menyatakan rasa sedih terhadap si mati.

Pada malam sebelum hari Deepavali, satu upacara untuk memperingati anggota keluarga yang telah meninggal diadakan. Makanan kegemaran mereka dihidangkan di hadapan gambar-gambar mereka beserta dengan pakaian baharu. Mereka akan bersembahyang semoga roh yang telah meninggal akan damai.

Pada hari Deepavali, setiap ahli keluarga dimestikan bangun daripada tidur sebelum terbit matahari untuk upacara ganga snanam, seperti mandi di Sungai Ganges. Amalan mandi di Sungai Ganges di negara India adalah sebagai penghapus dosa. Nallenai (minyak bijan) dan Vilakkennai (minyak jarak) disapu pada seluruh badan sebelum mandi.

Amalan ini dipercayai akan menghapus dosa seseorang di samping dapat meredakan kepanasan badan serta memberi ketenangan jiwa. Sebaik sahaja semua ahli keluarga telah berpakaian baharu, lampu sembahyang dinyalakan dan juadah akan dihidangkan di tempat sembahyang.



Bunga untuk hiasan

Pooja atau sembahyang akan dimulakan oleh ketua keluarga.

Pada hari ini jugalah golongan muda akan mendapatkan restu daripada golongan tua. Mereka akan bermaaf-maafan. Kunjung-mengunjungi sanak saudara adalah amalan yang amat penting bagi orang India. Kanak-kanak, orang tua dan mereka yang kurang bernasib baik akan diberi wang tunai sebagai hadiah.

Deepavali mengajar penganut agama Hindu supaya mengikis kejahatan dan kegelapan hati



Kuil agung di Batu Caves

dengan menyinarkan "pelita" dalam diri setiap manusia. Oleh sebab itulah pemasangan pelita amat digalakkan pada Hari Deepavali.

2. Thaipusam

Hari Thaipusam merupakan perayaan keagamaan yang amat popular di kalangan orang India. Perayaan ini berpusat di kuil-kuil seperti Dewa Murugan atau Dewa Subrahmanya.

Di Malaysia, Hari Thaipusam dirayakan secara besar-besaran oleh penganut agama Hindu di tempat seperti Batu Caves, Selangor, Kuil Jalan Waterfall (Tannirmalai) Pulau Pinang, Kuil Kallumalai, Ipoh dan lain-lain lagi.

Perayaan Thaipusam di kuil Batu Caves paling terkenal di kalangan masyarakat Malaysia. Pada hari Thaipusam berpuluh ribu penganut Hindu dari seluruh negara bertumpu ke Batu Caves. Kuil ini telah berjaya menarik perhatian orang tempatan dan para pelancong luar negara. Tempat ini telah dijadikan salah sebuah destinasi pelancongan yang terkenal di Selangor.

Thaipusam disambut pada malam hari bulan purnama iaitu bulan Thai menurut kalendar Tamil. Bulan Thai akan melintasi Pusam iaitu bintang yang bersinar dalam minggu terakhir bulan Januari atau minggu pertama bulan Februari.

Satu legenda dalam karya yang berjudul *Kandapuranam* mengisahkan para dewa yang menjadi mangsa penganiayaan seekor raksasa. Semua dewa telah memohon pertolongan kepada Dewa Shiva.

Dewa Shiva kemudiannya telah mewujudkan Dewa Murugan yang berupaya mengeluarkan api dari mata ketiganya. Dewa Murugan juga telah dianugerahkan lembing (*vel*) oleh Dewi Parvathi sebagai senjata untuk menewaskan raksasa tersebut.

Pemberian senjata ini dikatakan telah dibuat pada Hari *Thaipusam*. Oleh sebab itulah *Thaipusam* diraikan sebagai memperingati hari pemberian *vel* serta penewasan kuasa jahat.

Kavadi merupakan satu unsur penting yang mesti ada pada Hari *Thaipusam*. Kavadi diperbuat daripada besi atau kayu dan dihiasi dengan pelbagai hiasan. Setiap kavadi akan membawa bersama-sama patung atau gambar Dewa Murugan. Kavadi akan dikandar, disangkut dan dijunjung sambil mendaki bukit untuk memuja Dewa Murugan.

Satu legenda yang mengisahkan asal-usul kavadi bermula di sebuah kuil Murugan di Palani, India Selatan. Seorang mahawesi agong bernama Agastya diberikan dua buah gunung yang bernama *Saktigiri* dan *Sivagiri*.

Raksasa yang bernama *Idumpan* telah diarahkan memikul kedua-dua



Sedang mengarak kavadi

gunung dari India Utara ke India Selatan. Idumpan mengandar gunung-gunung itu hingga ke Palani dan berehat sebentar.

Idumpan cuba mengandar semula tetapi tidak berdaya kerana ditahan oleh Dewa Murugan. Idumpan cuba melawan Dewa Murugan tetapi tewas. Akhirnya Dewa Murugan merestui Idumpan. Peristiwa mengandar gunung-gunung ini dikaitkan dengan membawa kavadi.

Peristiwa ini juga dikatakan berlaku semasa bulan Thai melintasi bintang bersinar Pusam. Adalah dipercayai bahawa kedua-dua gunung tersebut ialah Gunung Palanimalai dan Gunung Idumpanmalai yang terdapat di India Selatan.

Selalunya ramai penganut agama Hindu akan bernazar kepada Dewa Murugan sempena Hari Thaipusam. Amalan bernazar dilakukan atas berbagai-bagai sebab seperti menjauuhkan daripada kerana penyakit, memperoleh zuriat, memajukan perniagaan dan mendapat kehidupan yang baik. Cara nazar dilakukan adalah melalui pengambilan kavadi, menderma serta mencukur kepala.

Seminggu sebelum Hari Thaipusam, bendera Dewa Murugan yang berlakarkan ayam jantan dikibarkan di kuil sebagai tanda perayaan hari Thaipusam akan diraikan. Sesiapa yang bernazar dan akan membawa kavadi akan berpuasa sekurang-kurangnya tiga hari dengan hanya makan sekali



Perarakan Thaipusam

sehari dan makan makanan daripada jenis sayur-sayuran (vegetarian).

Di Kuala Lumpur, pada awal pagi Hari Thaipusam, patung Dewa Murugan dan pasangannya dibawa

(arrcanai). Bahan-bahan penyembahan dibawa bersama untuk upacara arrcanai iaitu buah-buahan, bunga-bunga, kelapa, sirih, pinang, kapur barus dan kemenyan.



Dalam perarakan

berarak dari kuil Sri Maha Mariamman di Jalan Bandar, ke kuil Batu Caves sejauh lebih kurang 15 kilometer.

Patung-patung ini ditempatkan pada kenderaan rata (chariot) yang ditarik oleh lembu. Ini diikuti oleh para penganut yang berjalan kaki dan yang membawa kavadi.

Kavadi yang paling popular dikenali sebagai Kudam membawa bersama buyung yang diisi dengan susu. Upacara Pooja (sembahyang) diadakan secara beramai-ramai, selain menyembah secara individu

Mereka yang menyanyi dan yang mengiringi kavadi diiringi dengan gendang, sambil menyanyikan lagu-lagu suci serta sebutan "vel-vel vetrivel". Perkataan vel beerti lembing suci Dewa Murugan, manakala vetrivel pula bermaksud vel yang berjaya mengatasi kejahilan.

Bagi yang bernazar, dikehendaki memakai pakaian putih yang telah direndam di dalam air kunyit supaya bertukar menjadi warna kuning. Dengan membawa kavadi, mereka menaiki 272 anak tangga di gua Batu Caves untuk sampai ke kuil Dewa Murugan.



Pakaian kuning untuk yang bernazar

Barang-barang yang dibawa dipersembahkan kepada Dewa Murugan sebagai menunaikan nazar dan menandakan tamatnya berpuasa.

Pada hari ketiga, patung Dewa Murugan akan dibawa berarak semula ke kuil Sri Maha Mariamman sebagai menandakan tamatnya Hari Thaipusam.

3. Thai Ponggal

Jika masyarakat Sabah dan Sarawak meraikan pesta menuai seperti Pesta Kaamatan dan Hari Gawai, masyarakat India pula merayakan

perayaan Thai Ponggal. Perayaan Thai Ponggal disambut dengan agak meriah sebagaimana sambutan di India Selatan.

Walaupun masyarakat India tidak terlibat dalam aktiviti penanaman padi, Thai Ponggal masih diraikan sebagai satu tradisi. Menurut kalendar Hindu, perkataan Thai membawa maksud bulan dari Januari hingga Februari. Ponggal bererti meruap, atau dinamakan juga nasi manis yang dimasak bersama susu.


Perayaan Thai Ponggal disambut selama empat hari yang merangkumi upacara-upacara berikut:

- a. Bhogipponggal,
- b. Suriapponggal,
- c. Maattupponggal dan
- d. Kaanupponggal.

Menurut kalendar Hindu, setiap tahun dibahagikan kepada dua:

- i. separuh tahun pertama (Uttarayanna) mulai 15 Januari hingga 15 Julai
- ii. separuh tahun kedua (Dakshinayanam) mulai 16 Julai hingga 14 Januari

Pada waktu Uttarayanna, matahari akan bergerak dari selatan ke utara dan dianggap mendatangkan tuah. Hari pertama pergerakan matahari dikenali dengan Makara Sankranti iaitu sebagai pemulaan sambutan Thai Ponggal.



Hasil padi

Bhogipponggal disambut pada hari terakhir Dakshinayanam. Untuk menyambut hari tersebut, segala kekotoran dan sampah-sarap hendaklah dibersihkan. Rumah dibersihkan dan ada pula yang dicat semula. Persiapan ini dilakukan sebagai mengalu-alukan kedatangan Hari Menuai.

Hari Menuai amat bermakna bagi masyarakat tani kerana pendapatan daripada hasil pertanian disalurkan untuk perbelanjaan hidup. Terdapat satu pepatah India yang berbunyi: "thai pirantal vali pirakkum" yang bermaksud lahirnya bulan Thai akan mendatangkan jalan penyelesaian pelbagai masalah.

a. Bhogipponggal

Bhogipponggal bermaksud suasana kegembiraan yang dialami semasa

hari menuai. Bhogipponggal juga beerti Pesta Pookki, iaitu membuang barang-barang yang lama dan tidak digunakan dan diganti dengan yang baharu. Barang-barang ini akan dibakar dan akan mewujudkan unggun api yang amat menggembirakan kanak-kanak.



Barang-barang terbuang

Terdapat satu kisah di sebalik perayaan ini. Suatu masa dahulu, Dewa Krishna bersama para penggembala mengadakan satu upacara untuk menghormati Gunung Govardhana. Ini menimbulkan kemarahan kepada Dewa Indra lalu mengarahkan supaya hujan turun tanpa henti. Dewa Krishna menjunjung gunung tersebut untuk melindungi para penggembala.



Gunung melindungi para penggembala

Setelah mengetahui peristiwa ini hasil perbuatan Dewa Vishnu yang menjelma sebagai Dewa Krishna, Dewa Indra berasa kesal. Walau bagaimanapun, Dewa Krishna mengampunkan Dewa Indra. Oleh itu Dewa Krishna menyeru semua penggembala supaya menyambut Bhogipponggal.



Hasil pertanian

b. Suriapponggal

Suriapponggal diraikan sebagai tanda kesyukuran terhadap sang suria dan Dewa Indra, iaitu dewa yang menurunkan hujan untuk pertanian.


Pesta ini dijalankan di satu kawasan di halaman rumah setiap keluarga atau di kuil-kuil. Tempat ini dibersihkan dan dihias dengan koolam, iaitu satu corak yang dilakar oleh kaum wanita dengan menggunakan tepung beras. Sebuah periuk yang diperbuat daripada tanah liat dihias untuk memasak padi bersama air susu.

Setelah nasi meruap, semua anggota keluarga akan melaung "pongalo ponggal" menandakan nasi dan susu telah meruap dengan sempurna dan akan mendatangkan tuah. Nasi yang dimasak ini dikenali juga dengan nama pukpai atau tiincoru. Kedua-dua istilah ini bermaksud nasi manis. Nasi ini akan

dihidangkan di atas daun pisang bersama kuih vadai yang dibuat daripada kacang dal, buah-buahan dan sebagainya.

kutan dan faktor pengembangan kekayaan kerana melahirkan anak.

Hasil tenusu menjadi makanan asas masyarakat India dan dijadikan



Hidangan di atas daun pisang

c. Mattupponggal

Mattupponggal berasal daripada perkataan Maadu iaitu lembu atau harta dan ponggal bererti nasi manis.

Pada zaman dahulu, lembu menjadi ukuran kekayaan seseorang di kalangan masyarakat India. Lembu juga digunakan sebagai barang perantaraan dalam urusan perdagangan.

Bagi masyarakat India, lembu memainkan peranan yang amat penting. Lembu digunakan untuk membajak, sebagai alat pengang-

barang penting dalam upacara sembahyang. Atas sebab-sebab inilah lembu amat dilindungi bahkan dianggap suci.



Lembu sebagai harta


Terdapat satu cerita yang amat popular daripada generasi kepada generasi masyarakat India tentang sambutan Mattupponggal ini. Suatu ketika dahulu, semua lembu mengadu kepada tuhan bahawa mereka telah diseksa oleh manusia. Tarikh pun ditentukan oleh tuhan untuk melawat bumi bagi melihat keadaan yang sebenar.

Hal ini telah sampai kepada pengetahuan manusia lalu mereka pun mengadakan satu perayaan bagi melayan lembu dengan baik pada hari lawatan itu. Mulai waktu itu, masyarakat India percaya tuhan akan melawat lembu pada hari yang sama setiap tahun.



Lembu dianggap suci

Pada awal pagi lembu-lembu dimandikan dan dihias. Tanduk lembu disapu cat yang pelbagai warna, dikalungkan lehernya dengan



Kereta lembu sebagai alat pengangkutan

loceng dan dihias dengan bunga-bunga. Kandang lembu juga turut dibersihkan untuk acara ponggal.

Nasi manis dipersembahkan kepada tuhan. Setelah itu upacara Pooja dijalankan untuk menghormati jasa lembu kepada manusia. Nasi manis kemudiannya diberikan kepada lembu sebelum dihidangkan kepada para pengunjung kuil.

d. Kaanupponggal

Perkataan kaanum bermakna mengunjung. Pesta ini bererti orang tua dikunjungi serta diberi hadiah dan orang tua akan memberikan restu mereka. Adat ini penting untuk menjaga serta menghormati nasihat orang tua.

Pada hari ini, pelbagai pertandingan diadakan di kalangan pemuda dan pemudi. Ini termasuklah pertandingan menundukkan lembu jantan yang garang bagi para pemuda.

Anak-anak gadis (kanni) pula akan memasak ponggal. Pada ketika inilah para pemuda berpeluang untuk menilai kemahiran mereka memasak ponggal serta melihat kecantikan si gadis. Sekiranya ada yang berkenan, si lelaki akan melamar gadis itu kemudiannya.

Oleh yang demikian, Pesta Kaanupponggal ini lama kelamaan bertukar menjadi kanniponggal. Ini disebabkan anak-anak gadis (kanni) yang dianggap sebagai penyeri dan memeriahkan perayaan berkenaan.



Pemuda-pemudi India masa kini

KESIMPULAN

Masyarakat India yang beragama Hindu amat teliti dalam setiap langkah yang hendak diambil berkaitan dengan kehidupan mereka. Cara hidup mereka diatur dengan sebaik mungkin berdasarkan amalan yang diwarisi daripada nenek moyang mereka.

Orang India juga mempunyai pelbagai jenis perayaan. Semua perayaan yang diraikan sebagai

memberi peluang kepada mereka untuk melakukan aktiviti-aktiviti agama untuk memperteguhkan lagi kepatuhan kepada tuhan.

Mereka percaya bahawa alam ini ditadbir oleh beberapa dewa dengan tugas mereka masing-masing. Oleh yang demikian, setiap perayaan yang disambut semuanya dihubungkan dengan dewa-dewa yang tertentu sebagai tanda ketaatan."